



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS** : **PENGURUSAN KESELAMATAN DAN  
KESIHATAN PEKERJAAN**

**KOD KURSUS** : **DSM3183/DSM3123**

**PEPERIKSAAN** : **OKTOBER 2019**

**MASA** : **3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (50 Markah)  
BAHAGIAN B (50 Markah)
  - i. Bahagian A mengandungi **LIMA (5)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan dalam kertas jawapan.
  - ii. Bahagian B mengandungi **DUA (2)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan dalam kertas jawapan.
2. Calon tidak di benarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

a. Jelaskan **dua (2)** jenis gangguan seksual.

(4 markah)

b. Terangkan **tiga (3)** peranan yang wajib dilakukan oleh pekerja bagi menjamin keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

(6 markah)

**SOALAN 2**

a. Berikan **empat (4)** tujuan pembentukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

(4 markah)

b. Jelaskan **tiga (3)** kategori hazard yang boleh memberi kesan negatif kepada keselamatan dan kesihatan pekerja.

(6 markah)

**SOALAN 3**

Jelaskan **lima (5)** punca yang boleh menyebabkan berlakunya kemalangan di tempat kerja.

(10 markah)

**SOALAN 4**

Huraikan **lima (5)** strategi yang boleh dilakukan oleh organisasi untuk menangani gangguan seksual di tempat kerja.

(10 markah)

**SOALAN 5**

a. Apakah manfaat ergonomik kepada pekerja?

(4 markah)

b. Berserta contoh, terangkan **tiga (3)** pengelasan tekanan.

(6 markah)

**[50 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan sahaja.

Jawab **SEMUA** soalan sahaja. Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Cik Aminah merupakan seorang pekerja di Syarikat Seri Setia dan juga merupakan pencharum Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Oleh itu, anda diminta untuk membincangkan latar belakang, fungsi, tujuan serta skim keselamatan sosial yang ditawarkan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi memberi pemahaman yang jelas kepada Cik Aminah sebagai pencharum agensi tersebut.

(10 markah)

- b. Konsep amalan 5S telah diperkenalkan di Malaysia pada pertengahan tahun 1980. Amalan 5S ialah kaedah atau alat pengurusan yang boleh mewujudkan tempat kerja yang berkualiti, selesa, kemas dan selamat. Jelaskan prinsip amalan 5S yang boleh diterapkan dalam organisasi di Malaysia?

(15 markah)

## SOALAN 2

- a. Pertolongan cemas ialah bantuan segera atau rawatan kecemasan yang diberikan kepada mereka yang tercedera sebelum mendapatkan bantuan daripada Pegawai Perubatan yang bertauliah. Sebagai seorang Pegawai Keselamatan dan Kesihatan, bagaimanakah anda mengaplikasikan bantuan rawatan awal kecemasan kepada pekerja yang mengalami kecederaan melecur dan patah anggota badan di tempat kerja?

(10 markah)

- b. Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan merupakan suatu tugas yang penting yang harus dipikul oleh majikan atau pengurusan sesebuah organisasi. Selain itu, persekitaran kerja yang selamat dan sihat memainkan peranan penting dalam menjamin kebajikan pekerja dan juga peningkatan produktiviti dalam menjalankan tugas. Jelaskan **lima (5)** kaedah pengurusan keselamatan yang boleh dilakukan oleh pihak majikan untuk memastikan tahap keselamatan di tempat kerja sentiasa terjamin.

(15 markah)

**[50 MARKAH]**

KERTAS SOALAN TAMAT